

03/07/2000

`Pas peralat Islam untuk politik`

KUALA TERENGGANU, Ahad - Pas bukan parti yang memperjuangkan Islam kerana selepas hampir 50 tahun ditubuhkan baru sekarang bercadang merangka undang-undang Islam.

Bekas Naib Presiden Pas, Nakhaei Ahmad, berkata parti pembangkang itu juga memeralatkan Islam untuk kepentingan politik termasuk mengeluarkan fatwa yang bertentangan Islam.

"Pas mengeluarkan pelbagai fatwa yang bertentangan dengan ajaran Islam dan mengelirukan umat, termasuk mendakwa undi Pas dapat pahala dan masuk syurga," katanya.

Nakhaei juga hairan bagaimana umat Islam di Terengganu dan Kelantan boleh mempercayai perkara itu sehingga menyebabkan Barisan Nasional (BN) tewas di kedua-dua negeri itu.

Beliau berkata, Pas suka memutarbelitkan fakta, termasuk memfitnah dengan mengatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melarang umat Islam berterima kasih kepada Rasulullah.

"Pas juga mendakwa mempunyai ramai kepimpinan ulama tetapi sehingga ini masih tidak mampu menulis buku yang diakui ulama muktabar, termasuk Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang sendiri," katanya berceramah di Kampung Batu Enam di sini, malam tadi.

Menurutnya, ulama Pas boleh dianggap ulama RM45 kerana untuk menjadi ulama parti itu hanya perlu memakai serban, jubah dan kopiah yang semua sebanyak itu.

(END)